

**PM lancar Perkhidmatan Awan dan Keselamatan Siber TM**  
**Astro Awani**  
**12 April 2021**  
**Fareez Azman**

CYBERJAYA: Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin melancarkan Perkhidmatan Awan dan Keselamatan Siber TM menerusi TM ONE bagi kerajaan Malaysia di Pusat Data Teras Lembah Klang (KVDC) TM di Cyberjaya pada Isnin.

Ia merupakan Rangka Tindakan (Blueprint) ekonomi Digital Malaysia (MyDIGITAL) menerusi penyedia perkhidmatan terurus TM.

Perkhidmatan Awan dan Keselamatan Siber itu dijangka membolehkan sektor kerajaan memperluaskan perkhidmatan pintar baharu merangkumi pelbagai agensi kerajaan sekali gus memanfaatkan rakyat.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan TM, Imri Mokhtar, penggunaan perkhidmatan awan itu bakal menawarkan servis yang lebih baik kepada rakyat di negara ini.

"Ia untuk kerajaan dan rakyat (membolehkan) perkhidmatan awan menampung lebih banyak data (dan) pelbagai perkhidmatan lebih baik dapat diberikan secara lebih terperinci dengan Data Raya (Big Data), Segalanya Internet (IOT) serta Kecerdasan Buatan (AI) menerusi perkhidmatan awan.

"Kami yakin boleh diberikan kerajaan kepada rakyat dari segi keselamatan pemantauan dan sebagainya. Pelbagai lagi perkhidmatan penting contohnya pendidikan dan kesihatan juga ditekankan, dari sudut TM, kami sudah bersedia," katanya ketika ditemui media dalam majlis pelancaran itu.

Mengulas lanjut, Imri berkata, kerajaan melalui strategi 'Cloud First' turut menyasarkan migrasi 80 peratus data awam ke sistem awan hibrid ini menjelang akhir

tahun 2022 sebagai langkah memperkasakan perkhidmatan pengkomputeran awan bagi sektor awam.

Dari sudut keselamatan pula, tambah Imri, TM One Cyber Defence Centre (CYDEC) turut menyediakan pelbagai perkhidmatan keselamatan terurus bertaraf antarabangsa termasuklah perkhidmatan Kepintaran Ancaman Siber Global (CTI), pertahanan Siber Aktif (ACD) dan Pusat Operasi Keselamatan Siber Global (GSOC).

Terdahulu, Perdana Menteri turut mengadakan lawatan di Pusat Data Teras Lembah Klang (KVDC) TM.

Turut mengiringi Muhyiddin ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Datuk Seri Mustapa Mohamed.

**© 2021 Astro AWANI Network Sdn. Bhd. (535275-D) All Rights Reserved.**

Source: <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/pm-lancar-perkhidmatan-awan-dan-keselamatan-siber-tm-292942>